



PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan **berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan**, dipelawa untuk memohon jawatan di Perbadanan Labuan seperti berikut:-

1.0 JAWATAN : PERSONEL MySTEP SETARAF DIPLOMA / STPM (PEREKA GRAFIK)

KADAR UPAH : RM 2,100.00

TEMPOH PERKHIDMATAN : Mulai Tarikh Lapor Diri Sehingga Tidak Kurang Dari Sebulan Dan Tidak Melebihi 31 Disember 2026

BILANGAN KEKOSONGAN : 1

PENEMPATAN : JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

2.0 SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut ; atau
- ii. Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- iii. Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- iv. Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- v. Diploma dalam bidang Seni Kreatif, Seni Bina Dalaman, Seni Lukis atau Seni Reka yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

3.0 SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4.0 DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab mencipta idea visual berdasarkan projek landskap, menghasilkan lukisan grafik berbentuk 3D bagi projek landskap, menghasilkan reka bentuk beresolusi untuk cetakan atau optimized untuk digital bagi projek landskap dan lain lain untuk Perbadanan Labuan.

5.0 SYARAT LAIN

Boleh bekerja di bawah pengawasan minimum dan menyiapkan tugas dalam tempoh yang di tetapkan . Mahir menggunakan perisian Autocad Adobe Illustrator,Photoshop,InDesign,Canva, CorelDRAW dan lain-lain perisian 3D rendering. Calon juga perlu melepasi syarat tambahan dalam mencipta rekaan untuk dinilai oleh Perbadanan Labuan.

6.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- i. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati melalui Laman Web: www.pl.gov.my;
- ii. **Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan seperti berikut:**
 - a. **Sekeping gambar (ukuran passport) terkini;**
 - b. **Salinan kad pengenalan pemohon dan Ibubapa;**
 - c. **Sijil lahir pemohon dan Ibubapa;**
 - d. **Sijil-sijil persekolahan dan kelulusan akademik; (SPM / STPM / DIPLOMA)**
 - e. **Pengesahan Pengiktirafan Kelayakan DIPLOMA Daripada MQA ATAU MOR**

- f. Sijil berhenti sekolah;
 - g. Sijil Digital Lengkap Vaksinasi Covid -19 dan
 - h. Sijil kegiatan luar dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan.
(semua salinan dokumen yang dinyatakan di atas perlu disahkan dari salinan asal oleh Pegawai Kerajaan Gred 9 dan ke atas atau pegawai di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) atau Jabatan Pendidikan untuk sijil-sijil berkaitan)
- iii. Pemohon hendaklah bebas daripada apa-apa rekod jenayah, tidak menggunakan atau mengambil apa-apa dadah berbahaya serta tiada masalah penyakit kronik yang boleh menjejaskan prestasi kerja;
- iv. Permohonan yang **lewat, tidak lengkap seperti yang dinyatakan di para (ii) dan (iii) di atas atau tidak mengikut syarat-syarat** tersebut akan ditolak; dan
- v. Pihak Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan penghantaran borang permohonan jawatan.

PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP IKLAN

Permohonan hendaklah sampai kepada :

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN LABUAN
WISMA PERBADANAN LABUAN
TINGKAT BAWAH BLOK A
PETI SURAT 81245
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
(U.P : JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

Bil. Fail Rujukan	:	PL/PSM/500-9/3
No. Talian Perhubungan	:	087 – 581815, 581809, 581819
Sebelum atau pada	:	30 APRIL 2026

CATATAN

1. Hanya calon yang disenarai pendek akan dijemput hadir ke sesi temu duga.
2. Sekiranya pemohon yang tidak menerima panggilan untuk sesi temuduga selepas enam (6) bulan daripada tarikh iklan ditutup, permohonan mereka adalah tidak berjaya.
3. Sekiranya pemohon yang dijemput hadir temuduga tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh temuduga diadakan, permohonan mereka adalah tidak berjaya.
4. Perbadanan Labuan boleh melanjutkan tempoh validasi borang permohonan sehingga tempoh yang ditetapkan.